

NO. KAD PENGENALAN
ANGKA GILIRAN

					-			-				

Nama: Tingkatan:



**SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ABDUL JALIL
43100 HULU LANGAT
SELANGOR**

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN 2022 1103/1
TINGKATAN 4**

BAHASA MELAYU

Kertas 1

Ogos

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan disediakan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi dan Jawi..*

Kertas soalan ini mengandungi 4 halaman bercetak.

BAHAGIAN A


[30 markah]

[Masa dicadangkan: 30 minit]

Grafik dan petikan di bawah ini merupakan sebahagian daripada maklumat berkaitan dengan aktiviti-aktiviti kokurikulum.

Berdasarkan maklumat tersebut,uraikan pendapat anda tentang kebaikan-kebaikan menyertai aktiviti kokurikulum kepada murid.


Panjanguraian hendaklah antara **150 hingga 200** patah perkataan.



10:30 malam

Aku teringat akan pertandingan kawad kaki yang aku serta pada hujung minggu yang lalu. Penat lelah aku dan rakan-rakan sepasukan akhirnya berbayar. Kami dinobatkan sebagai johan dalam pertandingan tersebut. Kami berasa sangat gembira.

Bagiku, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum seperti pertandingan kawad kaki itu banyak kebaikannya. Oleh itu, aku berharap agar aktiviti kokurikulum tidak dipandang sebelah mata. Tanggapan segelintir pihak bahawa aktiviti kokurikulum hanya membuang masa murid patut dikikis.



BAHAGIAN B

[70 markah]

[Masa dicadangkan: 1 jam 30 minit]

Pilih satu daripada soalan di bawah ini dan tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1 DOMAIN PERIBADI

Pemilihan kerjaya merupakan satu cabaran besar yang perlu dilalui oleh individu yang bakal menempuh alam pekerjaan. Sering kali kedengaran pelbagai rungutan tentang masalah kekurangan pekerjaan yang terpaksa ditempuhi oleh para graduan. Lantaran itu, pemilihan program yang sesuai di universiti oleh para pelajar adalah sangat penting. Kesilapan membuat pilihan kursus yang kurang mempunyai peluang pekerjaan akan membuatkan para graduan terpaksa menganggur atau memilih kerjaya yang tidak sesuai dengan kelulusan mereka.

Sumber: *Internet*

SOALAN

Petikan di atas menyatakan maklumat tentang kepentingan pemilihan kerjaya dalam kalangan penuntut di institusi pengajian tinggi untuk mengelakkan pengangguran dalam kalangan siswazah selepas mereka menamatkan pengajian. Kepelbagaiannya kerjaya mendorong para penuntut belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita dalam kerjaya.

Sebagai respons terhadap petikan di atas, nyatakan kerjaya pilihan anda danuraikan faktor-faktor yang menyebabkan anda memilih kerjaya tersebut.

2 DOMAIN AWAM

Dalam meniti usia emas, warga tua sepatutnya dapat menyandarkan harapan kepada anak-anak. Pertalian yang sekian lama terjalin wajarlah ada tautan hingga penghujung zaman. Hal ini amat penting untuk mengelakkan warga emas daripada berasa rendah diri, tersisih, dan hidup dalam penderitaan serta kesedihan. Lantaran itu, kes anak-anak meninggalkan ibu bapa mereka yang sudah lanjut usia di rumah kebajikan sering menjadi perbualan umum dan mendapat perhatian masyarakat moden pada hari ini. Kadar kemasukan warga emas ke rumah kebajikan seperti ‘cendawan tumbuh selepas hujan’ dari tahun ke tahun. Masyarakat akan menuding jari terhadap anak-anak disebabkan oleh pengabaian mereka terhadap ibu bapa yang sudah lanjut usia.

SOALAN

Petikan rencana di atas menyatakan bahawa terdapat segelintir anak pada zaman moden ini yang cenderung untuk menghantar ibu bapa mereka ke rumah kebajikan dan jumlah ini meningkat dari semasa ke semasa. Situasi ini tidak seharusnya berlaku kerana anak-anak perlu membala jasa ibu bapa yang telah mendidik dan membesar mereka dengan sepenuh kasih sayang.

Bincangkan faktor-faktor keadaan ini berlaku dan langkah-langkah bagi mengatasinya permasalahan masyarakat ini.

3 DOMAIN PENDIDIKAN

Mengikut Akta Pendidikan KPM 1996, Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) ditubuhkan di sekolah kerajaan dengan tujuan untuk mewujudkan permuafakatan antara ibu bapa dan guru. Permuafakatan ini diharapkan dapat membina kesefahaman tentang tugas dan tanggungjawab bersama serta usaha untuk meningkatkan mutu pengajaran guru dan pembelajaran murid di sekolah. PIBG juga membantu untuk meningkatkan kerjasama dan perkongsian antara pihak sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat.

Sumber: *Internet*

SOALAN

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) merupakan antara mekanisme penting untuk mewujudkan pendidikan yang berkualiti di sekolah. Menerusi PIBG, banyak program dan Langkah boleh diatur untuk mengatasi pelbagai kekangan yang boleh mencacatkan iklim pengajaran dan pembelajaran di sesebuah sekolah.

Bincangkan peranan PIBG untuk membantu meningkatkan kecemerlangan sesebuah sekolah.

4 DOMAIN KERJAYA

Pada zaman sekarang, sukan mampu menjadi kerjaya yang menguntungkan. Nama-nama hebat seperti Datuk Nicol Ann David, Datuk Lee Chong Wei dan Azizulhasni Awang mencipta imej tersendiri mengangkat martabat sukan tanah air. Hasilnya mereka menjadikan sukan sebagai punca pendapatan utama dan memberikan fokus serta komitmen sepenuh masa sebagai kerjaya mereka.

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada
“Sukan Mampu Jadi Kerjaya Menguntungkan”,
oleh Faizal Jalal, *Berita Harian*, 24 Februari 2016

SOALAN

Petikan akhbar di atas menunjukkan bidang sukan mempunyai prospek kerjaya yang lumayan kepada individu.

Jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk memajukan sektor sukan di negara kita agar dapat dijadikan kerjaya utama para atlet.

SOALAN TAMAT

Disediakan oleh:

Disemak oleh:

Disahkan oleh:

Ummuha Binti Mohamad
Guru Bahasa Melayu

Jamilah Binti Md Daud
Ketua Panitia Bahasa Melayu

Hanani Binti Awang
GKMP Bahasa